

23/04/1997

Teroka pasaran dunia dengan jenama sendiri

Sharifah Munirah

BUTTERWORTH, Selasa - Usahawan tempatan mesti berani meneroka industri pengeluaran komponen dan barangan siap berteknologi tinggi dengan menggunakan jenama tempatan untuk dibekalkan kepada syarikat antarabangsa, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mereka, kata Perdana Menteri, tidak perlu menunggu sehingga diberikan kontrak untuk memulakan perniagaan masing-masing seperti mendirikan kilang, mencari teknologi, jurutera dan pekerja mahir.

Sebaliknya, usahawan tempatan boleh memulakan perusahaan secara kecil-kecilan untuk membuktikan mereka mampu mengeluarkan barangan bermutu tinggi bagi mendapatkan kepercayaan firma antarabangsa dan syarikat besar lain.

"Pembekal komponen elektronik mesti berani untuk memasuki bidang itu kerana kita mempunyai kecekapan dan kemampuan secukupnya untuk bersaing secara terbuka dengan syarikat asing yang lebih besar.

"Tetapi sekarang pembabitan mereka hanya sebagai vendor kerana takut menghadapi cabaran untuk mengeluarkan barangan sendiri dengan menggunakan jenama tempatan," katanya ketika berucap merasmikan kilang Unico Technology Berhad di sini, hari ini.

Unico ialah anak syarikat Unico Holding yang ditubuh pada 1992 bagi mengeluarkan barangan dan komponen elektronik untuk dibekalkan kepada beberapa syarikat antarabangsa di negara ini.

Hadir sama, Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon; Timbalannya, Datuk Mohd Shariff Omar; ahli Exco kerajaan negeri dan Pengerusi Unico, Tan Sri Ngan Ching Wen.

Perdana Menteri memuji langkah berani Dewan Perniagaan Cina menubuhkan Unico sehingga muncul sebagai salah sebuah syarikat pengeluar dan pembekal komponen elektronik terbesar dengan nilai jualan melebihi RM350 juta setahun.

"Ketika mula menjadi Perdana Menteri, saya minta Dewan Perniagaan Melayu Malaysia bekerjasama dengan Dewan Perniagaan Cina Malaysia, tetapi kerjasama itu tidak dapat diadakan kerana keengganan Dewan Perniagaan Melayu.

"Tetapi keadaan itu berubah selepas Allahyarham Tan Sri Yahaya Ahmad menjadi Pengerusi Dewan Perniagaan Melayu Malaysia. Bagaimanapun, Dewan Perniagaan Cina kemudian menubuhkan Unico Technology dan kini berjaya menjadi sebuah syarikat pembekal komponen canggih dan mampu menghadapi cabaran industri elektronik yang pastinya akan terus meningkat menjelang tahun 2000," katanya.

Dr Mahathir berkata, kejayaan Unico sepatutnya dicontohi syarikat tempatan lain memandangkan industri pengeluaran dan pembekalan komponen elektronik ini mempunyai potensi yang baik dalam pembangunan teknologi maklumat (IT).

"Sebenarnya, kita ada kebolehan dan kemampuan tetapi kurang yakin untuk meneroka dengan jenama sendiri kerana takut tidak mendapat sambutan dalam pasaran antarabangsa.

"Keadaan ini amat merugikan memandangkan eksport negara ini dalam bidang elektronik yang mencapai RM60 bilion setahun, adalah hasil pengeluaran milik syarikat asing," katanya.

Sementara itu, Dr Koh berkata strategi pembangunan bersepadu dan teratur kini mampu menjadikan wilayah Utara sebagai Koridor Silikon yang berpotensi menyumbang kepada pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC).

"Pembangunan yang wujud sekarang membayangkan kematangan industri elektronik di Pulau Pinang, Kulim, Sungai Petani (Kedah) dan Parit Buntar (Perak) yang ternyata mampu menjadi pusat komputer dan `hardware' yang penting," katanya.

(END)